



# **SIARAN MEDIA**

*Media Release*

## **INDEKS HARGA PENGGUNA**

*Consumer Price Index*

(Jan 2015=100)

**NOVEMBER 2024**

***NOVEMBER 2024***



Laman sesawang: [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)  
 E-mel: [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتستيك  
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
 BRUNEI DARUSSALAM

# INDEKS HARGA PENGGUNA

# NOVEMBER 2024

## Tahun-ke-Tahun

NOV 24  
NOV 23


▼ **0.5%**

## Bulan-ke-Bulan

NOV 24  
OKT 24

▲ **0.3%**

## Tahun-ke-Tahun



## Bulan-ke-Bulan



## Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barangan dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.26** pada bulan **November 2024**

## Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan ▼ **1.2%**

Sayur-Sayuran



Ikan dan Makanan Laut



Daging




Bukan Makanan ▼ **0.3%**

Pengangkutan



Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain



## Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA  
NOVEMBER 2024  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:**

**INDEKS HARGA PENGGUNA MENURUN 0.5 PERATUS BAGI BULAN NOVEMBER 2024**

1. Bagi bulan November 2024, Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding November 2023, didorong oleh penurunan sebanyak 1.2 peratus bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.3 peratus bagi indeks Bukan Makanan.
2. Penurunan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh penurunan harga Daging (2.5 peratus), terutamanya harga daging ayam disebabkan oleh penurunan kos makanan ternakan ayam. Ini diikuti oleh harga Sayur-sayuran (4.6 peratus) yang didorong oleh penurunan harga bawang daripada negara-negara pembekal.
3. Sementara itu, penurunan indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Pengangkutan (1.1 peratus), khususnya harga kenderaan dan tiket penerbangan. Manakala, harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api mencatatkan penurunan (0.9 peratus) terutamanya pada harga penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.
4. Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP November 2024 meningkat sebanyak 0.3 peratus daripada Oktober 2024. Ini adalah didorong oleh peningkatan bagi indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus, manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus.
5. Peningkatan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Pakaian dan Kasut (5.7 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.1 peratus). Manakala, penurunan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh Ikan dan Makanan Laut (1.2 peratus); dan Daging (0.3 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan November 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



Website: [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)  
 Email: [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك  
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
 BRUNEI DARUSSALAM

# CONSUMER PRICE INDEX

## NOVEMBER 2024

### Year-on-Year

NOV 24  
NOV 23

▼ **0.5%**

### Month-on-Month

NOV 24  
OCT 24

▲ **0.3%**

### Main Contributors Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic  
Beverages

▼ **1.2%**

#### Vegetables




▼ **4.6%**

#### Fish and Seafood



▼ **2.7%**

#### Meat



▼ **2.5%**

#### Non-Food


▼ **0.3%**

#### Transport




▼ **1.1%**

#### Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels




▼ **0.9%**

### Year-on-Year



### Month-on-Month



### Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth  
**BND100.00** in **January 2015** is now worth  
**BND106.26** in **November 2024**

### Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**CONSUMER PRICE INDEX**  
**NOVEMBER 2024**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**

**CONSUMER PRICE INDEX DECREASED BY 0.5 PER CENT IN NOVEMBER 2024**

1. *In November 2024, the Consumer Price Index (CPI) registered a 0.5 per cent decrease compared to November 2023, driven by declines of 1.2 per cent in the Food and Non-Alcoholic Beverages and 0.3 per cent in the Non-Food index.*
2. *The decrease in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was mainly attributed to lower chicken meat prices under the Meat Category (2.5 per cent), resulting from a reduction in chicken feed costs. Additionally, the Vegetables category saw a decrease, (4.6 per cent) driven by the fall in prices of onions and shallots from producing countries.*
3. *As for the Non-Food index, the decline was mainly influenced by lower prices of motor cars and air fares leading to a 1.1 per cent drop in the Transport category. A 0.9 per cent decrease in the Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels category, particularly, in the maintenance and repair of the dwellings, also contributed to this decline.*
4. *For a month-on-month comparison, the CPI in November 2024 increased by 0.3 per cent from October 2024. This was driven by a 0.4 per cent rise in the Non-Food index, while the Food and Non-Alcoholic Beverages index registered a decline of 0.1 per cent.*
5. *The increase in the Non-Food index was mainly contributed by price increases in Clothing and Footwear (5.7 per cent); and Recreation and Culture (1.1 per cent). As for the Food and Non-Alcoholic Beverages index, the decrease was mainly driven by the prices of Fish and Seafood (1.2 per cent); and Meat (0.3 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of basket of goods and services purchase by consumers in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for November 2024 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*